Headline	TNB terap budaya kerja cemerlang		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)		
Date	16 Mar 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	41
ArticleSize	238 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,001		

TNB terap budaya kerja cemerlang

Galak kakitangan amal hidup sihat untuk tingkatkan mutu perkhidmatan

PORT DICKSON - Penganjuran program TNB *Family Wellness Day* yang dilakukan oleh TNB Cawangan Port Dickson, disambut baik sebagai usaha ke arah budaya kerja cemerlang serta amalan gaya hidup sihat dalam kalangan kakitangannya.

Pengurus Cawangannya, Zahrul Effendy Shahid berkata, program berkenaan adalah sebahagian daripada aktiviti sepanjang tahun yang dilaksanakan TNB dalam usaha memastikan semua pegawai dan kakitangannya cemerlang daripada aspek kerja dan kesihatan.

"Pencapaian cemerlang dalam kerja bagi warga TNB sudah pastinya datang daripada mereka yang sihat fizikal dan mental.

"Apabila warga kerja sihat dan ceria dalam kehidupan mereka, sudah pasti ia dapat dizahirkan dalam bentuk kerja iaitu perkhidmatan cemerlang kepada pelanggan TNB dapat diberikan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Program TNB *Family Wellness Day* 2017 yang diadakan di Kelab Kilat TNB Port Dickson.

Zahrul Effendy berkata, bagi memastikan amalan gaya hidup sihat berterusan dilaksanakan, TNB Cawangan Port Dickson turut menganjurkan pelbagai program yang lain untuk kakitangan.

"Antaranya program diet, program 'the biggest looser,' pemeriksaan kesihatan secara percuma dan program derma darah.

"Program ini sebahagiannya mula dilaksanakan pada tahun lepas dan mendapat sambutan baik daripada seluruh warga TNB. Justeru ia akan diteruskan lagi pada tahun ini," katanya.

Hadir merasmikan program, Pengurus Kanan Senggaraan dan Kejuruteraan Stesyen Jana elektrik Tuanku Jaafar, Syahzely Zainal.

TNB *Family Wellness Day* peringkat Negeri Sembilan diadakan di Kompleks Belia dan Sukan Paroi, melibatkan penganjuran aktiviti seperti senamrobik, pertandingan futsal, memanah dan badminton.

Powered by: isentia

Headline	TNB terap budaya kerja cemerlang		
MediaTitle	Sinar Harian (Melaka & Negeri Sembilan)		
Date	16 Mar 2017	Language	Malay
Circulation	160,000	Readership	509,000
Section	News	Page No	41
ArticleSize	238 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 5,001		

Warga TNB Cawangan Port Dickson dan ahli keluarga mereka menyertai TNB *Family Wellness Day.*

Powered by: isentia